KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

# MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN SPM 2025

# MPP 3

# EKONOMI

## KERTAS 1

Nama : ....................................................................

Kelas : ....................................................................

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

1 Maklumat berikut berkaitan dengan satu faktor pengeluaran.

| |
|---|
| Menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam menghasilkan barang dan perkhidmatan |

Sumber tersebut mestilah

**A** mampu menanggung risiko tinggi
**B** menerima faedah yang tinggi
**C** mempunyai mobiliti geografi
**D** mampu menghadapi risiko

2 Jadual berikut menunjukkan pengeluaran sebuah firma bagi dua jenis barang.

| **Produk** | **Kombinasi keluaran** | |
|---|---|---|
| | **A** | **B** |
| Kopi<br>Teh | 20 unit<br>85 unit | 60 unit<br>55 unit |

Berapakah kos lepas jika kombinasi keluaran berubah daripada A ke B?

**A** 20 unit kopi
**B** 40 unit kopi
**C** 30 unit teh
**D** 60 unit teh

3 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

| |
|---|
| Syarikat A membekalkan peralatan pejabat dengan menggunakan 20 orang pekerja tempatan bagi memenuhi permintaan pasaran. |

Antara berikut, masalah apakah yang telah diselesaikan?

**I** Apa yang hendak dikeluarkan
**II** Bagaimana hendak dikeluarkan
**III** Untuk siapa hendak dikeluarkan
**IV** Berapa yang hendak dikeluarkan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

4 Apakah ciri sistem ekonomi perancangan pusat?

**A** Pilihan pengguna pelbagai
**B** Harga ditentukan oleh kuasa pasaran
**C** Wujud persaingan bebas antara firma
**D** Motif adalah memaksimumkan kebajikan rakyat

5 Rajah berikut menunjukkan keluk permintaan bagi suatu barang.




Penentu yang manakah menyebabkan peralihan keluk tersebut?

A Pendapatan individu menurun
B Kadar cukai pendapatan turun
C Harga barang penggenap jatuh
D Objektif firma meminimumkan kos

6 Rajah yang manakah betul tentang peningkatan pendapatan ?



7 Rajah berikut berkaitan dengan keluk penawaran.




Antara berikut, yang manakah menyebabkan berlaku peralihan titik dari **x** ke **y**?

**I** Bayaran upah pekerja meningkat
**II** Cukai import meningkat oleh kerajaan
**III** Jangkaan harga pada masa depan menurun
**IV** Objektif firma adalah memaksimumkan jualan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

8 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan dalam pasaran kasut sekolah.




Pilih pernyataan yang betul berkenaan dengan rajah tersebut.

**A** Jangkaan harga menurun pada masa depan
**B** Berlaku penurunan harga kasut sekolah
**C** Kerajaan menurunkan cukai jualan
**D** Tingkat teknologi menurun

9 Rajah berikut adalah keluk permintaan suatu barang.




Berapakah nilai pekali keanjalan barang tersebut?

A 0.21
B 0.43
C 0.86
D 4.65

10 Rajah tersebut adalah keluk permintaan suatu barang.




Pilih pernyataan yang betul tentang rajah tersebut.

A Contoh barang adalah beras
B Nilai pekali keanjalan ialah 5
C Pengguna kurang responsif terhadap harga
D Jumlah hasil meningkat jika harga dinaikkan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan barang A.

| |
|---|
| Tindakan penjual menurunkan harga barang A menyebabkan jumlah hasil diterimanya meningkat. |

Pernyataan yang manakah betul mengenai barang A?

A Merupakan barang anjal
B Bentuk keluk adalah curam
C Nilai pekali keanjalan kurang daripada 1
D Contoh barang A ialah barang keperluan

**12** Rajah berikut merupakan keluk penawaran suatu barang.




Pernyataan yang manakah betul?

**A** Peratus perubahan harga melebihi peratus perubahan kuantiti
**B** Berlakunya perubahan dalam kuantiti ditawar
**C** Contoh barang adalah barang kemas
**D** Keluk penawaran adalah tidak anjal

**13** Sesuatu barang cenderung menjadi tak anjal harga permintaan jika barang itu

**A** ialah barang kehendak
**B** banyak barang pengganti
**C** mempunyai banyak kegunaan
**D** perbelanjaan merupakan sebahagian kecil daripada pendapatan

**14** Situasi yang manakah menunjukkan fungsi wang sebagai alat penyimpan nilai?

**A** Encik Lokman membayar kereta RM700 sebulan
**B** Cik Alisa memotong sebahagian gajinya ke akaun Tabung Haji
**C** Mak Esah membuat bayaran terus barang runcit yang dibelinya
**D** Puan Wana pergi ke beberapa buah kedai emas untuk banding harga gelang emas

**15** Antara berikut, yang manakah menunjukkan persamaan antara pinjaman bercagar dengan pinjaman peribadi di bank perdagangan?

**I** Memerlukan penjamin
**II** Dikenakan kadar faedah
**III** Peminjam mestilah berpendapatan tetap
**IV** Hartanah diperlukan untuk dapat pinjaman

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**16** Maklumat berikut berkaitan prinsip dalam perbankan Islam

| |
|---|
| • Bertindak sebagai wakil untuk menjaga harta pelanggan |

Apakah prinsip tersebut?

**A** Bai Bithaman Ajil
**B** Mudharabah
**C** Wadiah
**D** Takjiri

**17** Maklumat berikut berkaitan dengan pemilihan pekerjaan Puan Fatin.

| **Jawatan Pensyarah** |
|---|
| • Mempunyai Ijazah Sarjana Ekonomi<br>• Cuti tahunan 30 hari setahun<br>• Berminat boleh hubungi Encik Alias (0123456789) |

Antara berikut, yang manakah merupakan faktor pemilihan pekerjaan Puan Fatin untuk memohon jawatan tersebut?

**I** Upah wang
**II** Waktu bekerja
**III** Faedah sampingan
**IV** Kelayakan akademik

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**18** Maklumat berikut adalah berkaitan upah benar Encik Asmuni bagi tahun 2024.

| Tahun 2024 | |
|---|---|
| • Upah wang | RM 3,000 |
| • Harga barang A | RM 20 |
| • Harga barang B | RM 10 |

Apakah yang berlaku jika harga purata meningkat kepada RM20?

**A** Meningkatkan kuasa beli
**B** Upah wang akan merosot
**C** Upah benar akan menurun
**D** Memperolehi lebih banyak barang

**19** Padanan yang manakah betul, kaitan antara pelbagai kerjaya dengan matlamat pendapatan peribadi

| | | |
|---|---|---|
| **A** | Kemahiran | Individu yang mempunyai kemahiran komunikasi dan literasi komputer menerima pendapatan yang tinggi |
| **B** | Pilihan Pendidikan | Risiko yang tinggi dibayar gaji yang lebih tinggi berbanding dengan pekerjaan berisiko rendah |
| **C** | Keusahawan | Individu yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi akan menerima pendapatan yang lebih tinggi |
| **D** | Pilihan kerjaya | Individu yang bijak merebut peluang berupaya menjana pendapatan peribadi yang tinggi. |

**20** Pasangan yang manakah betul?

| | Jenis Pendapatan | Keterangan Pendapatan |
|---|---|---|
| **A** | Bayaran Pindahan | Pulangan kepada individu yang memberi hak penggunaan sumber kepada orang lain |
| **B** | Faedah | Ganjaran diterima kerana sanggup menangguhkan perbelanjaan semasa |
| **C** | Dividen | Pendapatan kepada faktor pengeluaran yang tidak produktif |
| **D** | Sewa | Ganjaran kepada pemegang saham Syarikat |

**21** Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pelaburan dalam ekonomi.

> Pelaburan ini mempunyai risiko yang rendah kerana kurang terdedah kepada ketidakstabilan nilai

Apakah pelaburan tersebut?

**A** Hartanah
**B** Saham Syarikat
**C** Logam Berharga
**D** Urus Niaga Pertukaran Asing (FOREX)

**22** Gambar berikut menunjukkan satu input yang digunakan dalam proses pengeluaran.

**Syarikat perikanan Labuan muncul pemain utama pasaran tuna, makanan laut global**



Sumber: www.bhonline.com.mv. 25 Mei 2025

Pernyataan yang manakah betul tentang input tersebut?

**A** Perbelanjaan yang ditanggung ialah kos tetap
**B** Jumlah penggunaan tetap pada setiap tingkat output
**C** Kewujudan berlaku pada masa keluaran belum bermula
**D** Berhubung secara langsung dengan perubahan keluaran

23 Jadual berikut menunjukkan hubungan antara jumlah keluaran dengan kos berubah.

| Jumlah keluaran (Unit) | Kos Berubah (RM) |
|---|---|
| 20 | 40 |
| 40 | 60 |

Berapakah kos purata pada tingkat keluaran 40 unit, jika kos tetap adalah RM100?

A RM1.50
B RM2.50
C RM4.00
D RM5.00

24 Maklumat berikut berkaitan sebuah projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

> Projek ECRL capai kemajuan 82 peratus.
>
> Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, kerja-kerja pemasangan landasan yang merupakan komponen utama bagi Projek ECRL, telah berjaya disempurnakan sepanjang 400 kilometer meliputi landasan jajaran utama dari Maran, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan.
>
> Sumber : https://www.sinarharian.com.my 6 Mei 2025

Apakah kos sosial yang terlibat?

A Pertambahan dalam perbelanjaan pembangunan
B Kenaikan nilai hartanah di kawasan sekitar
C Pertambahan gaji pengawal keselamatan
D Kenaikan pembayaran bil perubatan

25 Kerajaan mengawal kesan luaran negatif dengan

A melaksanakan dasar fiskal
B mengunakan dasar kewangan
C menggubal akta dan undang-undang
D mengenakan kawalan harga keluaran firma

26 Pernyataan yang manakah betul tentang objektif makroekonomi negara?

A Ketidakstabilan harga menjamin kestabilan kuasa beli masyarakat
B Pertumbuhan ekonomi dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat
C Pengangguran mengukur jumlah tenaga buruh yang terlibat dalam sebarang kegiatan ekonomi
D Imbangan pembayaran merekodkan aliran wang masuk perdagangan antarabangsa dalam tempoh satu tahun

27 Maklumat berikut berkaitan dengan satu penunjuk ekonomi.

> Indeks Harga Pengguna (IHP) Julai 2023 naik 4.7% berbanding tahun sebelumnya.
>
> Sumber : BH Online, 27 Ogos 2023

Situasi yang manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

A Dasar fiskal mengembang dilaksanakan oleh kerajaan
B Kos sara hidup masyarakat bertambah
C Eksport negara cenderung meningkat
D Pelaburan firma tinggi

**28** Pilih pasangan yang betul.

| | Jenis Inflasi | Keterangan |
|---|---|---|
| A | Tarikan permintaan | Negara rakan dagang mengalami peningkatan harga secara berterusan |
| B | Tolakan kos | Sukar menambah keluaran semasa ekonomi mencapai guna tenaga penuh |
| C | Tarikan permintaan | Wujud akibat kejatuhan nilai mata wang tempatan negara |
| D | Tolakan kos | Berlaku apabila pengeluar ingin mengekalkan margin untung |

**29** Apakah kesan ke atas firma apabila kadar faedah tinggi dalam pasaran?

A Tekanan inflasi menjadi tinggi
B Bilangan penganggur meningkat
C Kos pinjaman perniagaan bertambah
D Perbelanjaan penggunaan lebih banyak

**30** Maklumat yang manakah betul tentang pelaksanaan dasar kewangan dalam mencapai objektif makroekonomi?

| | Objektif makroekonomi | Tindakan | Kesan |
|---|---|---|---|
| A | Imbangan pembayaran | Melonggarkan syarat sewa beli | Aliran masuk wang meningkat |
| B | Kestabilan harga | Menjual surat jaminan kerajaan | Tingkat harga umum naik |
| C | Pertumbuhan ekonomi | Menaikkan kadar faedah pinjaman | Kos pengeluaran berkurang |
| D | Guna tenaga penuh | Menurunkan nisbah rizab berkanun | Peluang pekerjaan menurun |

**31** Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya kegiatan import dalam perdagangan antarabangsa?

A Cita rasa masyarakat yang cenderung menggunakan keluaran tempatan
B Upah buruh tempatan yang secara relatif lebih murah
C Kekayaan sumber semula jadi dalam negara
D Tarikan perbezaan budaya luar

**32** Apakah kesan negatif pelaksanaan tarif dalam kegiatan perdagangan antarabangsa?

**A** Jumlah pengeluaran kereta tempatan kurang berbanding kereta import
**B** Kecekapan pengeluaran industri penggantian import jatuh
**C** Masyarakat menggunakan barang yang bermutu rendah
**D** Perbelanjaan pengguna semakin merosot

**33** Pasangan yang manakah betul?

| | | |
|---|---|---|
| **A** | Eksport barang nampak | Kerajaan Korea memberi bantuan kewangan kepada mangsa banjir di Pahang |
| **B** | Import barang tak nampak | Persatuan Badminton Malaysia menggunakan khidmat jurulatih Hendrawan dari Indonesia |
| **C** | Import barang nampak | Syarikat pengangkutan dari Thailand menyewa kapal kargo milik Malaysia |
| **D** | Eksport barang tak nampak | Encik Anuar dari Perlis menghantar anaknya belajar dalam bidang Ekonomi di Jerman |

**34** Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan mata wang asing?

**A** Syarikat Hong Kong yang beroperasi di Kemaman menyewa kapal milik MISC Berhad untuk menghantar barang
**B** Kerajaan membeli vaksin Pfizer dari Jerman bagi melaksanakan program imunisasi kebangsaan
**C** MARA membayar gaji pensyarah dari United Kingdom di Kolej Profesional Mara Ayer Keroh
**D** Syarikat Berkuasa mengambil alih sebuah kilang pakaian milik Jepun di Kelantan

Pilihan jawapan bagi **Soalan 35** hingga **Soalan 40** berdasarkan jadual berikut:

| Pilihan | Pernyataan I | Pernyataan II |
|---|---|---|
| **A** | Betul | Salah |
| **B** | Salah | Betul |
| **C** | Salah | Salah |
| **D** | Betul | Betul |

**35** **I** Firma menghadapi masalah kekurangan sumber ekonomi

**II** Kekurangan sumber ekonomi mewujudkan pilihan yang memaksimumkan kepuasan

**36** **I** Nilai pekali keanjalan harga permintaan lebih daripada 1 adalah tak anjal

**II** Barang kemas adalah contoh barang anjal

**37** **I** Kos implisit merupakan kos yang dibayar dengan nyata oleh firma terhadap penggunaan input dalam proses pengeluaran barang dan perkhidmatan.

**II** Contoh kos implisit seperti ganjaran upah yang sepatutnya dibayar kepada pemilik sendiri

**38** **I** Produktiviti atau daya pengeluaran ialah keupayaan untuk meningkatkan penghasilan output daripada sejumlah input yang diberikan.

**II** Faktor yang mempengaruhi produktiviti ada dua sahaja iaitu tenaga manusia dan bahan-bahan.

**39** **I** Kaedah komunikasi baharu merupakan ciri globalisasi

**II** Kemudahan infrastruktur yang baik menggalakkan proses globalisasi

**40** **I** Akaun Semasa mengalami kurangan disebabkan pembayaran kewangan meningkat

**II** Akaun Semasa merekodkan Akaun Modal dan Akaun Kewangan

**KERTAS SOALAN TAMAT**